

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI [RAUB]

TARIKH : 12 OKTOBER 2021 [SELASA]

SOALAN

Tengku Zulpuri bin Raja Puji [Raub] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan pada awal Januari 2021, kawasan Parlimen Raub di landa banjir besar beberapa kawasan kampung dan pinggiran bandar terlibat, ada yang menyatakan banjir ini sama seperti tahun 1971. Apakah usaha Kerajaan pusat melalui JPS dan agensi lain termasuk Kerajaan Negeri Pahang untuk mengatasi masalah Ini supaya ianya dapat mengurangkan risiko kerosakan dan kemusnahan harta benda dan nyawa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kejadian banjir yang berlaku pada awal Januari 2021 di kawasan Parlimen Raub melibatkan jajaran Sungai Dong yang merupakan sub-lembangan kepada Sungai Pahang.
2. Bagi mengatasi masalah banjir di sekitar jajaran Sungai Dong di kawasan Parlimen Raub, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah memohon peruntukan sebanyak RM75 juta bagi melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Dong, Daerah Raub, Pahang Darul Makmur di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).
3. Antara skop projek yang akan dilaksanakan adalah perkhidmatan perunding bagi melaksanakan kajian rekabentuk terperinci, pengambilan tanah, menaiktaraf Sungai Dong, membina struktur penahan banjir dan struktur kawalan hakisan tebing sungai, kolam takungan banjir dan juga sistem rumah pam.
4. Di bawah program PEMERKASA, sebanyak RM1.03 juta telah diperuntukkan bagi Kerja-Kerja Pemuliharaan Sungai Bagi Mengurangkan Risiko Banjir (PEMERKASA) di Daerah Raub yang melibatkan 19 projek.

Sekian. Terima kasih.